

Perlaksanaan Sistem Pengurusan Wakaf: Satu Kajian di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Nor' Azurah Md Kamdari^{1,a}, Prof Madya Dr. Mohd. Rahimie Abd Karim^{2,b},
Prof Madya Dr. Remali Yusoff^{3,c}

^{1,3}Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Perakaunan
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

²Pusat Pelaburan dan Endowmen (CIE) UMS
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

^anoraz013@uitm.edu.my, ^brahimie@ums.edu.my, ^cremyuf@ums.edu.my

Kata kunci: *sistem pengurusan wakaf, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*

Abstrak. Di dalam konsep syariah, wakaf adalah satu pembahagian harta secara sukarela bersifat kekal dan tidak boleh dibatalkan oleh pihak lain. Wakaf adalah sebahagian daripada ibadah masyarakat muslim yang dituntut dan ianya mempunyai peranan penting dalam menyelesaikan masalah masyarakat kita pada hari ini. Antaranya ialah seperti mengurangkan bebanan masalah kemiskinan, memberikan kemudahan kesihatan, menyediakan pusat pendidikan, membina rumah anak yatim piatu, membina masjid dan membina pusat perlindungan bagi golongan yang memerlukan. Sungguhpun perkembangan wakaf telah lama wujud pada suatu ketika dahulu, namun perkembangan dan kemajuannya masih diperingkat yang lemah. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat tadbir urus pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Ianya penting supaya kajian ini dapat mengenal pasti apakah faktor yang menyumbang kepada pembangunan pengurusan wakaf di Kelantan. Bagi mencapai objektif kajian ini akan menggunakan kaedah temubual bersama pihak yang bertanggungjawab ke atas pengurusan wakaf, iaitu di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Harapan kajian ini akan menunjukkan beberapa penemuan yang baik dan positif terhadap pembangunan tadbir urus dan pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Selain itu juga, kajian berharap pelbagai instrumen pembiayaan kewangan yang menggunakan prinsip syariah dapat digunakan di dalam menarik pelaburan di dalam pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Manakala dari sudut aspek penerimaan wakaf, kajian berharap sistem wakaf ini memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat di kelantan.

Pendahuluan

Pembangunan dan pengurusan wakaf di Malaysia telah wujud pada sekian lamanya. Pengurusan sistem wakaf merupakan perkara yang sangat penting agar matlamat individu pewakaf tersebut tercapai. Oleh itu, pelantikan pengurus wakaf (mutawali) adalah penting agar sistem pengurusan wakaf ini diurus dengan baik dan berkesan. Di Malaysia, pihak-pihak yang bertanggungjawab mengurus sistem wakaf adalah di kalangan Majlis Agama Negeri. Walau bagaimanapun, jika pewakaf berhasrat menguruskan harta wakafnya sendiri, kerajaan ataupun Majlis Agama Negeri tidak boleh campur tangan. Sejarah membuktikan bagaimana saidina Umar mempunyai pengurusannya sendiri. Dia melantik Hafsa anak perempuannya untuk menguruskan harta yang telah diwakafkannya olehnya, kemudian pengurusan seterusnya diteruskan oleh ahli keluarganya sendiri (Ahmad Ibrahim, 1998).

Amalan berwakaf merupakan amalan sunat yang di amalkan oleh masyarakat Muslim. Ianya amat digalakkan bagi golongan yang berkemampuan. Ini bermaksud apabila seseorang Muslim itu mencapai redhaan Allah dan mendapat keberkatan hidup salah satu mekanisme ialah dengan berkongsi kekayaan dengan orang lain. Berbeza dengan konsep zakat, ianya merupakan amalan wajib bagi masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, kedua-dua amalan ini merupakan langkah pengagihan pendapatan negara.

Secara umumnya di Malaysia, pengurusan wakaf telah ditetapkan mengikut perlembagaan. Mengikut perlembagaan persekutuan, pengurusan sistem wakaf telah diberi kuasa kepada kerajaan negeri bagi menguruskan hal-hal agama Islam termasuklah pengurusan wakaf. Dengan kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri, Majlis Agama Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Islam diberi bertanggungjawab khusus untuk menguruskan hal-hal agama Islam mengikut kepada negari masing-masing. (Baharuddin Sayin, 1994: 100).

Pengurusan aset wakaf dikendalikan oleh dua unit, iaitu pusat pengutan Zakat & Baitumal dan Wakaf. Sebagai pemegang amanah pihak pengurusan mempunyai hak untuk mentadbir dan menjalankan apa-apa aktiviti pembangunan. Pihak

pengurusan juga turut berhak mengagihkan hasil zakat dan wakaf kepada mereka yang layak.

Walau bagaimanapun, atas alasan undang-undang, pentadbiran harta wakaf tertakluk kepada syarat dan objektif dari individu pewakaf tersebut. Oleh yang demikian, amalan asal sistem pengurusan wakaf yang telah dilaksanakan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu wakaf khas dan wakaf am.

Di dalam menguruskan harta wakaf khas, Majlis Agama Negeri terikat oleh undang-undang di dalam memberikan sumbangan wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Negeri tersebut mempunyai peluang untuk menggunakan budi bicaranya dalam mendapatkan hasil yang lebih baik daripada harta wakaf tersebut. Sebagai contoh, Majlis Agama Negeri boleh menyewakan harta wakaf tersebut dan harta wakaf khas ini akan mempunyai akaun berasingan.

Sementara itu, untuk menguruskan wakaf am adalah lebih fleksibel. Majlis Agama Negeri ini tidak terikat dengan perbelanjaan khusus yang lain. Pengurusan wakaf am adalah lebih bebas dan biasanya untuk tujuan pelaburan. Oleh itu, adalah jelas bahawa perlembagaan persekutuan telah memberi kuasa kepada kerajaan dalam hal-hal sistem pengurusan wakaf.

Penyata Permasalahan

Terdapat juga hampir beberapa dekad yang lalu, terdapat banyak penyelidik ingin menganalisis dan menilai pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia (Ihsan & Adnan, 2009). Perhatian kajian lebih banyak menumpu kepada sistem kewangan Islam di Malaysia. Manakala isu yang berkaitan dengan pembangunan wakaf terutamanya kajian yang mengintegrasikan penggunaan instrumen kewangan Islam dalam pembangunan wakaf adalah kurang diberikan perhatian. Justeru, oleh yang demikian kajian ingin mengkaji bentuk dan struktur pembiayaan dan pelaburan di dalam pembangunan wakaf di Malaysia. Ini penting supaya Malaysia dapat menggalakkan dan meningkatkan lagi produk-produk pembiayaan dan pelaburan di dalam pembangunan wakaf di Malaysia.

Latar belakang kajian ini adalah kajian ingin melihat sistem pengurusan wakaf di Kelantan. Ini kerana pengurusan sistem wakaf di Malaysia adalah mengikut negeri masing-masing. Setelah kajian dapat mengenalpasti secara tepat permasalahan, kajian telah dapat mengenalpasti objektif utama. Di antaranya ialah kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti sistem pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Selain itu kajian ingin melihat apakah faktor yang menyumbang kepada sistem pengurusan dan pembangunan wakaf di negeri Kelantan iaitu sistem pengurusan wakaf yang dikendalikan oleh di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Kajian telah merangka beberapa soalan di dalam mencari jawapan di dalam objektif kajian dan permasalahan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Di antara beberapa soalan yang telah dibangunkan untuk merungkai persoalan-persoalan di dalam objektif kajian dan permasalahan tersebut di antaranya adalah :-

- i. Bagaimanakah sistem pengurusan wakaf yang di amalkan di negeri Kelantan?
- ii. Apakah amalan sistem pengurusan wakaf di negeri Kelantan?
- iii. Apakah faktor penyumbang kepada penentu sistem pengurusan wakaf yang baik di negeri Kelantan?
- v. Bagaimanakah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menguruskan pengurusan wakaf tunainya?
- vi. Apakah contoh bentuk projek-projek pembangunan wakaf yang telah dibangunkan di negeri Kelantan?

Kaedah Kajian

Di dalam merungkai objektif dan soalan-soalan kajian di dalam penyelidikan ini, kajian ini akan menggunakan kes kajian. Merujuk di dalam objektif kajian iaitu ingin mengetahui sistem pengurusan wakaf di negeri Kelantan, kajian akan membuat sesi temubual dengan pihak yang berkepentingan terhadap sistem pengurusan wakaf. Antara individu yang akan ditemubual adalah orang-orang penting di dalam organisasi tersebut. Seperti contoh pegawai tertinggi yang berkepentingan di dalam organisasi tersebut. Antara pendekatan yang digunakan adalah sebelum sesi temubual, kerangka soalan akan dibuat dan dibincangkan terlebih dahulu.

Kepentingan kajian

Kajian ini sangat penting adalah kerana di dalam aspek pembangunan dan kestabilan ekonomi, konsep wakaf di lihat dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut. Ini kerana kos sara hidup yang dijangka meningkat bermula pada tahun 2017. Beberapa petunjuk ekonomi jelas memperlihatkan keadaan ekonomi tahun 2016 yang lemah dan bebanan peningkatan kos sara hidup yang di rasai oleh seisi rumah (Mohd Yusof Saari, 2016).

Sebagai contoh, apabila sistem wakaf ini dijalankan dengan sempurna, secara keseluruhannya kos sara hidup boleh

dikurangkan. Contohnya seperti terbinanya hospital wakaf, sekolah wakaf, universiti wakaf, kenderaan awam wakaf, premis perniagaan wakaf, adanya bank wakaf, surau atau masjid-masjid wakaf, kawasan perkuburan wakaf, secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan kos sara hidup masyarakat.

Literatur


Definisi Wakaf. Maksud wakaf di dalam Kamus Dewan ialah sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai ataupun disebut sebagai derma¹. Selain itu ianya digunakan sebagai keperluan yang berkaitan dengan agama Islam seperti membina saluran air untuk kegunaan orang ramai, mendirikan masjid, mengadakan kawasan kubur dan sebagainya atas tujuan untuk keperluan agama Islam. Wakaf adalah perkataan berasal daripada kata kerja bahasa Arab iaitu *waqafa* yang membawa maksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man*) (Shahnaz Sulaiman, 2012). Pada asalnya perkataan wakaf ini diambil daripada perkataan bahasa Arab. Manakala dari sudut istilah, menurut Ibn Qudamah, wakaf ialah menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil).

Dari segi terminologi pula, para sarjana Islam telah memberikan pelbagai takrifan mengenai wakaf. Berdasarkan mazhab Shafii, wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaatnya daripadanya dengan mengekalkan (fizikal) harta tersebut dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf. Hasilnya pula digunakan untuk tujuan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah.²

Wakaf dan Fungsinya. Wakaf merupakan alat sedekah jariah yang melibatkan pengorbanan harta benda oleh individu Muslim dengan menginfakkan harta secara berkekalan untuk kebajikan (Abu Zuhrah, 1972:5) atas dasar qurbah bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT (Al-Zuhayli, 1987:134-35). Ini jelas menunjukkan pensyariatan wakaf menjangkau konsep pengabdian diri terhadap Allah SWT kerana wakaf memainkan peranan penting dalam konteks muamalah sesama insan berlandaskan prinsip *mahabbah* iaitu kasih sayang, kerjasama dan *ta'awun* (bantu-membantu) (Shahnaz, 2008:51). Pengamalan konsep wakaf ini bukan sahaja menyumbang kebaikan dan kemaslahatan ummah di dunia bahkan pewakaf tersebut akan dijanjikan dengan ganjaran pahala yang berkekalan sehingga di akhirat kelak.

Oleh yang demikian, jelaslah fungsi dan peranan wakaf ini sangat signifikan, wakaf ini telah menjadi salah satu komponen penting yang mendasari sektor ijtima (kemasyarakatan) di dalam teori sistem ekonomi Islam. (Surthaman Kastin & Sanep Ahmad, 2010:53). Ini kerana wakaf telah berfungsi sebagai alat jaminan keselamatan sosioekonomi melalui agihan dan perkongsian manfaat kepada golongan miskin setanding dengan peranan yang dimainkan oleh instrumen zakat (Khaf, 1998:9).

Jenis Wakaf



Rajah 5.1: Jenis Wakaf

Rajah 5.1 menunjukkan jenis wakaf yang terdapat di negara Malaysia. Menurut Akta Undang-undang Islam (AMLA) wakaf terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu wakaf ahli atau wakaf keluarga *dzurri* (keturunan) dan wakaf *khairi*

¹ Kamus Dewan, 2007. Edisi ke-4 Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 1796.

² Al-Khatib al-Sharhini, Shams Al-Din Muhammad (m 977H), 1978. Mughni al- Muhtaj ila Ma'rifah Ma' ani Alfaz al-Minhaj al- Talibin. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.

(kebajikan)³, di mana wakaf kebajikan ini terbahagi kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas. Manakala wakaf umum atau (wakaf am) dan wakaf tertentu (wakaf khas) adalah membawa kepada definisi maksud seperti berikut:

Wakaf am bermakna sesuatu wakaf yang diwujudkan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat umum umat Islam mengikut hukum syarak seperti untuk kemudahan atau pembangunan ekonomi umat Islam menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan dengan mengikut hukum syarak. Ianya turut menjaga dari segi kepentingan modal dan pendapatan dari harta wakaf tersebut bagi tujuan yang amal saleh.

Wakaf khusus bermaksud wakaf yang diwujudkan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat tertentu umat Islam mengikut hukum syarak seperti mewakafkan tanah untuk tujuan masjid, surau, sekolah agama, perkuburan Islam dan lain-lain yang dikhususkan oleh pewakaf.⁴

Metodologi

Kajian ini membuat kajian kes terhadap pengurusan wakaf di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Ianya terletak di alamat Kompleks Balai Islam, Darul Naim Lundang, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan kajian kes iaitu menggunakan kaedah temu bual bersama dengan pegawai tinggi yang dipertanggungjawab di dalam menguruskan wakaf di negeri Kelantan.

Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan intraksi bersemuka antara penemu bual / penyelidik dengan responden. Menurut Denzin (2001), ”temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat; temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena. Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2014)

Kajian ini akan membuat temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur ini merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Penemu bual dikehendaki menyoal subjek kajian bersarkan senarai soalan yang telah dibina (satu set soalan) dan soalan-soalan yang ditanya kepada responden adalah serupa. Soalan-soalan temu bual kena selaras dengan objektif kajian. Bilangan soalan tidak perlu banyak. Berikut ialah tiga andaian asas soalan temu bual.

- a. Semua responden mempunyai keupayaan bahasa yang sama
- b. Semua item soalan boleh difahami dengan jelas oleh setiap responden.
- c. Setiap soalan membawa maksud yang sama (tidak ambigu).

Kajian ini memerlukan dua orang yang perlu ditemuramah. Antaranya ialah pegawai tertinggi dan juga pembantu yang menguruskan wakaf di negeri Kelantan. Di antara beberapa soalan yang telah dibangunkan untuk merungkai persoalan-persoalan di dalam objektif kajian dan permasalahan tersebut di antaranya adalah :-

- i. Bagaimanakah sistem pengurusan wakaf yang di amalkan di negeri Kelantan?
- ii. Bagaimanakah amalan sistem pengurusan wakaf di negeri Kelantan?
- iii. Apakah faktor penyumbang kepada penentu sistem pengurusan wakaf yang baik di negeri Kelantan?
- v. Bagaimanakah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menguruskan pengurusan wakaf tunainya?
- vi. Apakah contoh bentuk projek-projek pembangunan wakaf yang telah dibangunkan di negeri Kelantan?

Kesimpulan

Diharapkan semoga kajian ini mendapat menemui jawapan di dalam mengetahui sistem pengurusan wakaf di Kelantan. Turut sama kajian ini berharap akan menunjukkan beberapa penemuan yang baik dan positif terhadap pembangunan tadbir urus dan pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Selain itu juga, kajian berharap pelbagai instrumen pembiayaan kewangan yang menggunakan prinsip syariah dapat digunakan di dalam menarik pelaburan di dalam pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Manakala dari sudut aspek penerimaan wakaf ini, kajian berharap sistem wakaf ini memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat di Kelantan.

Rujukan

- Abu Zuhrah, 1972. *Muhadarat fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al- Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah, 1987. *Al-Wasaya wa al- Waqf fi al-fiqh al- Islamy*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ahmad Ibrahim, 1998. *Al- Ahkam Jilid 6, Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Baharudin Sayin. Et, al 1994. *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*, Ampang Press.
- Chua Yan Piaw, (2014). *Kaedah Penyelidikan* (3rd ed.). Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd. hlm.,139 -140.
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook of qualitative reseach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Ihsan, Hidayatul dan Muhammad Akhyar Adnan, 2009. *Waqf Accounting and the Construction of Accountability*. Kertas Kerja Seminar Waqf Laws and Management Conference, International Islamic University Malaysia di Kuala Lumpur, 20-22 Oktober 2009
- Kahf, Monzer (1998). *Finance Development of Awqaf Properties*. International Conference on Awqaf and Economic Development, Kuala Lumpur, 2-4 March, 1998.
- Mohd Yusof Saari (2016), *Kos Sara hidup dijangka terus meningkat tahun 2017*. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia. Artikel
- Surthaman Kastin & Sanep Ahmad, 2010. *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syahnaz Sulaiman (2012), *Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam Di Malaysia : Satu Tinjauan*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

3 <https://www.ywm.gov.my/faq> layari pada 19/1/2018

4 lihat.wakaf.org.my/wakaf/index.php?option=com_content&view=article&id=66&Itemid=275 layari pada 19/1/2018